

KEDUDUKAN ZAKAT INSTITUSI TAKAFUL: SATU PENILAIAN FIQH

Muhammad Ikhlas Rosele

Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya

Luqman Hj. Abdullah

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Khairul Azhar Meerangani

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka

Mohammad Najhan Mohammad Nasir

Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya

ABSTRAK

Institusi takaful antara institusi kewangan Islam yang berkembang pesat pada hari ini. Institusi ini juga antara pembayar zakat di Malaysia. Namun begitu status pembayaran zakat institusi takaful dilihat mempunyai beberapa isu seperti jenis zakat, kaedah pengiraan dan asas zakat. Oleh itu, kajian ini akan melakukan penilaian fiqh terhadap pembayaran zakat institusi takaful di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana data-data perpustakaan digunakan dan dianalisis secara induktif, deduktif dan komparatif. Hasil kajian mendapati institusi takaful perlu mengeluarkan zakat pendapatan dan menggunakan kaedah pengiraan yang sesuai berasaskan jenis zakat tersebut.

Kata kunci: Takaful, Zakat, Fiqh, Pendapatan, Malaysia

ZAKAT POSITION OF TAKAFUL INSTITUTIONS : A FIQH APPRAISAL

ABSTRACT

Takaful institutions are among the fastest growing Islamic financial institutions today. This institution is one of zakat payers in Malaysia. However, the zakat payment status of takaful institutions is seen to have some issues such as type of zakat, calculation method and zakat basis. Therefore, this study will conduct a fiqh appraisal of the zakat payment of takaful institutions in Malaysia. This study uses a qualitative approach where library data is used and analyzed based on inductive, deductive and comparative methods. The findings show that takaful

institutions should issue zakat based on zakat of income and use appropriate calculation methods based on that type of zakat.

Keyword: *Takaful, Zakat, Fiqh, Income, Malaysia*

PENDAHULUAN

Sistem takaful adalah salah satu sistem alternatif terhadap sistem insurans yang selaras dengan kehendak Islam dan juga merupakan satu keperluan (Syed Ahmed, 2014). Hal ini kerana sistem insurans merupakan sistem yang relevan dan sesuai dalam menyediakan perlindungan kewangan daripada kehilangan yang tidak dijangka atau kemusnahan (Billah, 2003). Sistem takaful telah diperkenalkan bagi tujuan menguruskan pemindahan risiko yang melibatkan peserta dan pengurus (Muhaimin, 2005). Pemindahan atau perkongsian risiko dalam amalan takaful adalah berasaskan prinsip tolong-menolong atau *al-ta'awun* dan perkongsian tanggungjawab (Muhaizam, 2013). Pengurusan risiko yang dilakukan oleh sistem takaful juga bebas daripada unsur *gharar* (kesamaran), *maysir* (perjudian) dan *riba* (Muhaimin, 2005).

Hakikatnya sistem takaful ini telah wujud pada zaman permulaan Islam, ia dikenali sebagai sistem '*aqilah* yang diamalkan oleh orang arab. Dan sistem tersebut terus dikekalkan pada zaman Rasulullah SAW¹ yang menjadi prinsip dasar kepada konsep takaful yang diamalkan pada hari ini. Dalam perbincangan fiqh maksud takaful² atau *al-kafalah* dari sudut istilah adalah menggabungkan beban atau perlindungan (*dhimmah*) penjamin dengan beban seseorang pada sesuatu tuntutan (kerana berlaku perkara yang tidak diinginkan) (al-Musili, 1998). Secara teori, pengertian takaful menurut AAOIFI (2010) adalah;

Takaful adalah satu proses perjanjian di antara kumpulan masyarakat untuk mengatasi kecelakaan yang menimpa seseorang disebabkan risiko-risiko tertentu. Prosesnya melibatkan pembayaran peserta yang berasaskan tabarru' [sedekah]. Ia membawa kepada penubuhan dana takaful yang selaras dengan konsep entiti tersendiri (syakhsyiyah i'tibariyyah).

Jelas disini bahawa sistem takaful adalah perlindungan kepada risiko yang bakal dihadapi. Selain itu dalam pengertian tersebut dapat dikenalpasti bahawa kedudukan dana takaful dalam institusi takaful merupakan entiti yang tersendiri. Kenyataan ini secara jelas memberi implikasi hukum zakat yang berbeza. Namun, sebelum kajian dilanjutkan, perbincangan akan mengemukakan latar

¹ Antara contoh amalan sistem '*aqilah* atau takaful ini rujuk kitab Ibn Hisyam; Kaum Muhajirin dari Quraisy tetap mempunyai hak mereka; mereka senasib sepenanggungan dan menerima wang tebusan darah (diat) sesama mereka (kerana pembunuhan tidak sengaja) dengan cara baik dan adil di kalangan orang-orang beriman. Bani 'Auf (dari Yathrib) tetap mempunyai hak mereka, tanggung-menanggung wang tebusan diri; setiap keluarga mereka membayar bersama wang tebusan dengan baik dan adil di kalangan orang-orang beriman"

² Dari sudut Bahasa Arab, takaful berasal dari kata akar ka-fa-la yang bermaksud telah memberi jaminan. Apabila ia berada pada wazan tafa'ul akan memberi erti saling melakukan. Jadi perkataan takaful adalah bermaksud saling memberi jaminan antara satu sama lain (Jumhuriyyah Misr al-'Arabiyyah, 1991).

belakang dan aktiviti institusi takaful sebagai satu premis penting dalam artikel ini.

LATAR BELAKANG INSTITUSI TAKAFUL

Pada hari ini sistem takaful beroperasi dalam seliaan sesebuah entiti yang disebut institusi takaful. Dalam sejarah, institusi pertama yang ditubuhkan dalam menjalankan aktiviti insurans secara Islam adalah Syarikat Insurans Islam di Sudan, ia telah ditubuhkan pada tahun 1979. Penubuhan ini telah menjadi pemangkin kepada penubuhan-penubuhan institusi insurans Islam seluruh dunia (Salah El Din, 2013). Di Asia, Malaysia merupakan negara yang pertama merintis penubuhan syarikat insurans Islam dengan menubuhkan Syarikat Takaful Malaysia Sendirian Berhad. Syarikat ini memulakan operasi pada Ogos 1985 (Lim, Muhammad Fahmi & Carissa, 2010). Hal ini adalah kerana Fatwa kerajaan Malaysia telah memutuskan bahawa sistem insurans (konvensional) adalah haram kerana wujud unsur-unsur *gharar*, *riba* dan *maysir* di dalamnya. Oleh itu, tugas khas telah dibentuk untuk menyelaras satu syarikat yang menjalankan aktiviti insurans berlandaskan Islam (Mohd. Sadad & Radiah, 2012). Atas cadangan tersebut maka Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. telah diperbadankan untuk memenuhi kehendak orang Islam di Malaysia.

Pada tahun sebelumnya iaitu tahun 1984 Malaysia telah menggazetkan Akta Takaful 1984. Akta Takaful 1984 adalah satu akta yang berbentuk pengawal seliaan (*regulatory*) bukannya substantif kerana ia tidak menghuraikan bagaimanakah operasi dan pengendalian takaful perlu dilakukan. Akta ini mempunyai 68 seksyen dan terbahagi kepada 4 bahagian (Zaini, et. al., 2004). Namun pada 30 Jun 2013 akta ini telah dimansuhkan dan diganti dengan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA). IFSA (2013) mendefinisikan takaful sebagai;

An arrangement based on mutual assistance under which takaful participants agree to contribute to a common fund providing for mutual financial benefits payable to the takaful participants or their beneficiaries on the occurrence of pre-agreed events

ASAS PERNIAGAAN DAN OPERASI INSTITUSI TAKAFUL

Perbincangan asas perniagaan (*nature of business*) institusi takaful penting dalam kajian ini. Hal ini bertunjangkan prinsip zakat yang dikenalpasti dari aktiviti dan jenis operasi yang dijalankan untuk memperolehi harta. Sebagai contoh, penternak yang menternak lembu untuk pembiakan akan dikenakan zakat ternakan, begitu juga petani yang menanam padi akan dikenakan zakat pertanian. Manakala zakat perniagaan dan pendapatan mempunyai ciri tersendiri dalam penentuan sumber zakatnya.

Berbalik kepada operasi perniagaan takaful, terdapat beberapa model yang diguna pakai oleh institusi takaful (sebagai pengendali takaful). Antara model tersebut adalah; model mudarabah dan model wakalah (IBFIM, 2010). Model

mudarabah menggunakan kontrak mudarabah³ di mana pengendali takaful sebagai *mudarib* (pengurus harta) dan peserta sebagai *rabb al-mal* (penyedia modal). Keuntungan atau lebih daripada pengendalian takaful akan dikongsi bersama manakala kerugian akan ditanggung oleh peserta selaku penyedia modal. Walau bagaimanapun, bagi melindungi kepentingan peserta, pengendali takaful dikehendaki mematuhi peraturan berhemat termasuk memberi pinjaman tanpa faedah kepada kumpulan wang risiko takaful untuk menampung kekurangan dalam kumpulan wang risiko takaful tersebut (IBFIM, 2010).

Manakala model wakalah⁴ ialah pengendali takaful bertindak sebagai agen bagi pihak peserta dan dibayar *fi* (upah) bagi perkhidmatan yang disediakan. *Fi* boleh dikenakan sebagai amaun tetap atau berdasarkan nisbah yang dipersetujui atas keuntungan pelaburan atau lebih kumpulan wang takaful (IBFIM, 2010). Selain model wakalah dan mudarabah terdapat model lain lagi bagi takaful iaitu model kombinasi antara wakalah dan mudarabah dan model wakaf.

Bagi model kombinasi wakalah dan mudarabah, peserta akan menyumbang wang kepada pengendali atas asas *tabarru'* dan melantiknya sebagai wakil untuk mengurus sumbangan tersebut. Di samping itu peserta juga melantik pengendali takaful sebagai *mudarib* untuk melaburkan harta yang disumbangkan. Sebarang keuntungan akan dikongsi oleh pengendali takaful dengan tabung takaful (Akhter, 2010). Manakala model wakaf adalah berkait dengan sifat dana takaful yang disumbangkan. Peserta akan memberi sumbangan kepada takaful sebagai wakaf (dana takaful) (Ezamshah, 2011). Ini bermakna sebarang keuntungan atau lebih dana takaful (yang diwakafkan) tidak diperolehi oleh sesiapa pun sama ada pengendali takaful mahupun peserta (Kettel, 2010), bahkan ia dianggap sebagai entiti yang tersendiri (*syakhsyiyah i'tibariyyah*) (Engku Rabiah Adawiah, 2010).

Perlu dinyatakan bahawa pengendali takaful tidak mempunyai hak ke atas dana yang diperolehi daripada peserta, bahkan ia hanya bertindak sebagai pengurus dana atau operasi takaful dan juga pemegang amanah. Pengendali hanya mempunyai hak ke atas keuntungan hasil daripada proses pelaburan yang dilakukan (Muhammad Hisyam, 2008). Sumber pendapatan institusi takaful adalah daripada (Muhammad Ridhwan, 2013);

1. Profit yang diperolehi daripada pelaburan yang dilakukan ke atas dana pemegang saham.
2. Caj wakalah yang dikenakan kepada pendeposit.
3. Bahagian yang diperolehi hasil pelaburan ke atas dana takaful (dana yang disumbangkan pendeposit).
4. Lebihan (*surplus*⁵) yang diperolehi daripada dana takaful.

³ Kontrak mudarabah ialah akad antara dua belah pihak, di mana satu pihak sebagai penyumbang modal dan satu pihak lagi pengurus atau pengelola modal tersebut. Manakala keuntungan akan dibahagikan menurut kesepakatan bersama (H. Hendi Suhendi, 2002).

⁴ Konsep wakalah adalah satu kontrak atau transaksi di mana seseorang meminta orang lain untuk mengantikannya dalam melakukan sesuatu pekerjaan atau urusan ketika masih hidup (H. Abdul Rahman G., H. Ghufron I. & Sapiudin D., 2010).

⁵ Surplus merupakan lebihan dari dana takaful sama ada diperolehi selepas tuntutan (claims), selepas ditolak sebarang peruntukan yang berkaitan, insurans semula dan perolehan dari pulangan pelaburan. Ada sebahagian

Sumber pendapatan ini diperolehi melalui produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi takaful. Lazimnya dalam institusi takaful, produk yang ditawarkan adalah takaful am dan takaful keluarga. Takaful am adalah jaminan perlindungan kewangan kerana kerugian, kemusnahan atau kerosakan yang berlaku ke atas harta benda akibat bencana seperti kebakaran, kemalangan dan sebagainya (Mohd Fadzli, Wan Zamri & Abdul Khudus, 2011). Takaful am juga meliputi perlindungan liabiliti pihak ketiga (Nor Azila, 2008). Secara ringkasnya prinsip takaful am adalah:

1. Sumbangan yang dibayar adalah dalam jangka masa pendek, di mana pemegang polisi perlu memperbaharui polisinya apabila sampai tempoh matang.
2. Sumbangan yang dibayar antara sesama peserta adalah atas prinsip *tabarru'* (permemberian secara rela), yang mana peserta tidak boleh membuat tuntutan semula bayaran tersebut kecuali jika berlaku kerugian atau kemusnahan yang berlaku sesuai dengan kehendak polisi (Billah, 2003).
3. Manakala sumbangan yang dibayar oleh peserta kepada pengendali takaful sama ada atas kontrak mudarabah atau kontrak wakalah. Selain kontrak ini kontrak lain juga boleh digunakan seperti gabungan kontrak wakalah dan mudarabah, wakaf atau amanah. Atas asas ini pengendali akan memperolehi pendapatan melalui fi atau perkongsian untung (Bank Negara Malaysia).

Di Malaysia umumnya amalan takaful am biasanya hanya menggunakan model wakalah dan mudarabah yang dimodifikasi. Ini adalah berikutan operasi takaful am biasanya akan sentiasa wujud risiko di bawah perlindungannya, lebih-lebih lagi sistem takaful ini adalah aturan jangka masa pendek (Engku Rabiah Adawiah, 2010).

Takaful kerluarga pula menyediakan perlindungan berbentuk bantuan kewangan atas perkara yang berlaku membabitkan nyawa manusia yang boleh mengakibatkan kesukaran dari sudut kewangan. Kematian boleh menyebabkan orang di bawah tanggungan menghadapi masalah kewangan. Selain kematian terdapat beberapa sebab lagi yang boleh mendatangkan masalah kewangan kepada tanggungan seperti tua, hilang keupayaan dan penyakit kronik (Mohd Fadzli, Wan Zamri & Abdul Khudus, 2011). Takaful keluarga mempunyai beberapa kateristik seperti berikut (Mohd Fadzli, Wan Zamri & Abdul Khudus, 2011);

1. Tempoh kontrak takaful keluarga kebiasaannya dalam jangka masa panjang, namun terdapat juga kontrak dalam jangka masa pendek.
2. Pembayaran yang dilakukan peserta atas dasar *tabaaru'* akan dipisahkan kepada dua tabungan iaitu tabungan risiko dan tabungan simpanan peserta.

bentuk surplus dimiliki oleh peserta manakala ada bentuk lain dikongsi antara peserta dengan pengendali takaful berasaskan prinsip *ju'alah*. Lihat; (Abubakar, 2010; Azman & Mohamad Sabri, 2010).

3. Nilai nyawa dan organ tidak boleh diukur menyebabkan takaful keluarga memberi perlindungan pada satu nilai yang belum tentu dapat meliputi kehilangan. Kerana perlindungan takaful keluarga adalah bersifat terhad.

Sebagaimana takaful am, takaful keluarga juga mempunyai beberapa model, sebahagian pengendali takaful menggunakan model mudarabah, sebahagian lain menggunakan model wakalah atau wakaf. Secara terperinci bagi model takaful keluarga, model mudarabah dan wakalah digunakan bagi akaun peserta (*Participants Accaount* atau PA)⁶, manakala model mudarabah dimodifikasi atau wakalah dimodifikasi / ju'alah digunakan untuk akaun khas peserta (*Participants Special Account* atau PSA) (Engku Rabiah Adawiah, 2010).

Justeru, secara kasarnya aktiviti kewangan institusi takaful pada asasnya adalah pelaburan. Institusi takaful menjalankan aktiviti pelaburan dengan melaburkan semua sumbangan peserta untuk memperolehi profit di tempat pelaburan yang menepati syariah (BNM, 2013; Billah, 2007). Caj ataupun yuran atas perkhidmatan yang ditawarkan yang dikenakan institusi takaful juga dianggap sebagai salah satu aktiviti kewangan institusi takaful. Selain itu *surplus* (termasuk keuntungan pelaburan dari tabung takaful dan yuran wakalah *tharawat*) yang dibahagikan bersama peserta dan hasil pelaburan yang dilakukan daripada dana pemegang saham juga merupakan sumber pendapatan institusi takaful.

HUKUM ZAKAT BAGI INSTITUSI TAKAFUL

Sebagaimana yang telah dijelaskan, bahawa dalam aktiviti takaful peserta perlu menyerahkan sejumlah wang sebagai caruman. Wang caruman tersebut akan diletakkan di dalam satu tempat yang disebut tabung takaful. Sumbangan atau caruman wang inilah yang akan menjadi *tabarru'* dan diserahkan kepada peserta lain yang ditimpa musibah. Tabung takaful itu juga akan digunakan oleh institusi takaful untuk tujuan mendapatkan keuntungan. Daripada lebihan (*surplus*) tabung takaful, institusi takaful juga memperolehi bahagiannya yang dikongsi dengan peserta.

Daripada perbincangan tersebut, dapat dikenalpasti bahawa institusi takaful tidak menjalankan aktiviti perniagaan sebagaimana yang dikehendaki dalam zakat perniagaan. Kerana asas utama perniagaan adalah mempunyai aset niaga yang disebut *'arud al-tijarah*. 'Arud jika dilihat secara tunggal bererti aset, Ibn Juzay (2005) menjelaskan *'arud* terbahagi kepada empat;

1. Aset untuk kegunaan peribadi, aset ini tidak dikenakan zakat.
2. Aset untuk niaga, aset ini diwajibkan zakat menurut jumhur selain golongan Zahiri.

⁶ PA dan PSA terdapat dalam takaful keluarga, PSA adalah tempat pemberian yang dilakukan peserta untuk tujuan khusus, iaitu menyediakan bantuan kewangan kepada peserta lain yang ditimpa musibah. Manakala PA adalah tempat untuk simpanan atau tabungan peserta yang akan digunakan oleh pengendali takaful untuk tujuan pelaburan (Mohd Fadzli Yusof, 2006).

3. Aset untuk kegunaan namun juga diniagakan, aset ini tidak dizakatkan
4. Aset berbentuk ghillah (yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu produk) atau aset sewaan yang dijual. Dalam hal ini kewajipan zakat tertakluk kepada dua pendapat.

Oleh itu, jelas bahawa aset dalam erti '*arud*' merujuk kepada aset yang hakiki. '*Arud al-tijarah*' juga perlu memenuhi beberapa syarat utama untuk diwajibkan zakat. Yang paling nyata adalah barang tersebut dimiliki melalui pemilikan yang mempunyai '*iwad*' (balasan), seperti jual beli, sewaan, nikah dan *khulu'*. Kemudian barang yang dimiliki melalui kaedah pemilikan tersebut perlulah diniatkan untuk diniagakan (t.t.). Dengan makna '*arud*' yang ditambah beberapa syarat ketat menjadikan zakat perniagaan bersifat lebih eksklusif. Oleh itu, penentuan sesuatu institusi untuk diwajibkan zakat perniagaan perlu meneliti dan mengambil kira perkara tersebut.

Jadi, secara dasarnya institusi takaful tidak menjalankan aktiviti perniagaan seperti yang dikehendaki dalam '*arud al-tijarah*'. Oleh itu, zakat perniagaan bukanlah jenis zakat yang perlu dikeluarkannya. Akan tetapi konsep zakat pendapatan yang berasaskan kepada *mal al-mustafad* boleh terpakai kepada institusi takaful. Hal ini kerana perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi takaful untuk memperolehi hasil dan keuntungan. Rangkuman *mal al-mustafad* meliputi; hasil daripada usaha, keuntungan jualan atau pembiakkan, pendapatan melalui ganjaran atau upah seperti upah perubatan, akauntan, jurubina, perunding cara, royalti dan lain-lain lagi, pendapatan berasaskan kerja bermajikan, pendapatan berasaskan sesuatu keadaan seperti kematian, perkahwinan, tamat tempoh perkhidmatan, pendapatan ini berupa hadiah, pusaka, subsidi atau yang dinamakan pendapatan pindahan dan lain-lain lagi (al-Qaradawi, 1994; Sahata, 2003).

Kewajipan zakat *mal al-mustafad* atau harta pendapatan adalah bersandarkan kepada beberapa nas antaranya al-Quran, 2: 267. 'Abdullah ibn 'Abbas, 'Ali bin Abi Talib dan al-Tabari (t.t.) menafsirkan "*ma kasabtum*" (apa-apa yang telah kamu kerjakan) dalam ayat tersebut sebagai orang yang mengusahakan sesuatu dengan bersusah payah atau senang untuk mengumpulkan emas dan perak. Al-Zamakhsyari (1998) juga jelas mewajibkan zakat kepada semua pendapatan yang diperolehi hasil usaha yang dilakukan oleh orang Islam bersandarkan ayat tersebut.

Sabda Rasulullah s.a.w:

عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ صَدَقَةٌ فَقَالُوا يَا نَبِيَّ اللَّهِ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ قَالَ يَعْمَلُ بِيَدِهِ فَيَنْتَفِعُ نَفْسَهُ
وَيَتَصَدَّقُ قَالُوا فَإِنْ لَمْ يَجِدْ قَالَ يُعِينُ ذَا الْحَاجَةِ الْمَلْهُوفَ قَالُوا فَإِنْ لَمْ يَجِدْ قَالَ فَلْيَعْمَلْ
بِالْمَعْرُوفِ وَلْيُمْسِكْ عَنِ الشَّرِّ فَإِنَّهَا لَهُ صَدَقَةٌ

Yang bermaksud: *Wajib ke atas setiap orang Islam menunaikan zakat., Mereka bertanya: Wahai Nabi Allah, sekiranya kami tidak*

mempunyai harta, bagaimana? Jawab Baginda s.a.w: Berusahalah dengan sepenuh tenaga bagi menyara diri, kemudian bayarlah zakat. Mereka bertanya lagi: Sekiranya usaha itu tidak berhasil? Baginda menjawab: Berusahalah dalam perkara kebaikan dan mencegah daripada keburukan. Sesungguhnya pekerjaan itu bagi kamu adalah sedekah (zakat). (Hadis riwayat al-Bukhari dan al-Nasa'i)

Perkataan “*Ala kulli muslim sadaqah*” membawa maksud bahawa zakat pendapatan hukumnya adalah wajib (al-‘Ayni, 2010). Pada luarannya hadis tersebut memberi makna yang luas, kerana zakat yang ditumpukan tidak hanya tertumpu kepada keuntungan harta modal semata-mata atau kepada zakat wajib yang ditetapkan di dalam kitab fiqh (Mujaini, 2012), bahkan ia merangkumi seluruh usaha dan pekerjaan, pendapatan perkhidmatan yang dilakukan (al-‘Ayni, t.t.). Hal ini jelas terpakai kepada institusi takaful yang menjalankan aktivitiinya melalui perkhidmatan dan memperolehi pendapatan dari perlaburan, yuran ataupun sumber hasil yang lain.

Berkenaan dengan tabung takaful, sekiranya diteliti dengan lebih mendasar, institusi takaful bukan pemilik kepada dana tabung tersebut. Hal ini berasaskan konsep pemilikan dalam zakat perlu memenuhi dua prinsip utama iaitu *milk al-yad* dan *milk al-raqabah*. Dua prinsip pertama ini secara jelas dinyatakan oleh kebanyakan ulama seperti al-Zabidi (2009) yang menjelaskan konsep *al-milk al-tam* sebagai;

Milik sempurna adalah apa yang terangkum padanya pemilikan dan dalam tangan. Sekiranya wujud milik tanpa berada dalam tangan seperti memiliki barang belian sebelum penyerahan, atau mahar sebelum diserahkan atau harta dalam tangan tetapi tiada kuasa milik seperti hamba al-Mukatib dan hutang maka tidak wajib untuk dizakatkan.

Al-Dasuqi (t.t.) pula menafsirkan milik sempurna sebagaimana berikut;

Pemilikan sempurna terdiri daripada dua perkara iaitu milik dan kesempurnaannya, tidak dikenakan zakat bagi harta yang dirampas dan harta yang dijumpai kerana tidak wujud milik dan tidak dikenakan zakat ke atas hamba dan orang yang berhutang kerana tidak mempunyai kesempurnaan pemilikan.

Menurut al-Bahuti (1983) menyatakan bawah milik sempurna boleh diertikan sebagai;

Pemilikan sempurna adalah mengenai sesuatu yang berada dalam tangan pemilik dan tidak berkait dengan milik orang lain, mempunyai hak untuk menjalankan transaksi mengikut kehendaknya, faedah dan hasil yang diperolehi daripada harta tersebut adalah miliknya.

Apa yang jelas daripada pentakrifan tersebut, institusi takaful tidak memiliki salah satu daripada dua pemilikan tersebut. Iaitu *milk al-yad* dan *milk*

al-raqabah. Hal ini kerana institusi takaful secara asasnya tidak memiliki harta caruman peserta bahkan hanyalah pengantara antara pencarum dan penerima manfaat, keadaan ini bercanggahan dengan *milk al-yad*. Selain itu, institusi takaful tidak bebas menggunakan harta tersebut kerana kontrak hibah peserta dengan penerima manfaat yang menafikan konsep *milk al-raqabah*.

Oleh kerana institusi takaful tidak mempunyai kuasa atau hak ke atas dana tabung takaful tersebut (Abdul Hakim, 2015), ia tidak diwajibkan zakat pada harta tersebut. Akan tetapi jika dirujuk kembali, harta tersebut juga bukanlah dalam pemilikan sempurna peserta. Kecuali, caruman peserta yang terdapat dalam PIA (*personal investment account*) yang merupakan milik peserta dan wajib zakat apabila mencukupi syarat. Ini berikutan wang di dalam tabung takaful tidak boleh sewenang-wenangnya dikeluarkan oleh peserta. Ia seperti yang berlaku dalam caruman KWSP. Lantas, peserta tidak wajib mengeluarkan zakat daripada harta tersebut saban tahun, bahkan apabila peserta menerima wang daripada tabung *tabarru'* atas musibah yang berlaku wang tersebut juga tidak perlu dizakatkan kecuali telah melalui haul setahun. Ini adalah kerana, wang yang diterimanya itu bukanlah wang miliknya yang dicarumkan sebelum ini, ia adalah wang hasil sumbangan peserta lain untuk membantunya kesan dari musibah yang berlaku.

Kesan daripada idea ini, beberapa institusi takaful dilihat mengambil langkah yang serupa iaitu tidak membayar zakat daripada tabung *tabarru'*. Ini berikutan tabung tersebut bukan dibawah kekuasaannya. Namun persoalannya, siapakah yang akan membayar zakat bagi tabung tersebut. Hakikatnya isu ini boleh ditafsirkan kepada dua keadaan, pertama, dana di dalam tabung *tabarru'* tersebut bukanlah milik sesiapa, bahkan ia adalah wang kebajikan dan derma untuk membantu orang yang memerlukan. Oleh itu, zakat tidak dikenakan atas tabung tersebut.

Kedua, harta tersebut dianggap adalah milik tabung takaful tersebut atas asas *syakhsiyyah i'tibariyyah* (AAOIFI, 2010). Ia menjadi satu entiti tersendiri kerana harta itu bukan milik sesiapa. Harta di dalam tabung takaful adalah milik tabung itu sendiri (Shamsiah & Asmak, 2010). Oleh yang demikian, tabung takaful diwajibkan untuk mengeluarkan zakat bagi harta yang terdapat di dalamnya. Keadaan ini berasaskan hujah bahawa *syakhsiyyah i'tibariyyah* wujud di dalam Islam dan diterima pakai dalam penentuan hukum. Berbalik kepada isu zakat, apakah *syakhsiyyah i'tibariyyah* boleh dikenakan zakat, rumusannya adalah seperti berikut;

1. *Syakhsiyyah i'tibariyyah* mempunyai kapasiti untuk bertindak seperti manusia, contohnya menjalankan transaksi dan memiliki harta. Hal ini dibuktikan dengan amalan wakaf serta baitul mal dalam hukum Islam.
2. Perlu difahami bahawa zakat adalah wajib ke atas harta, tidak kira ia dipegang oleh mukallaf atau sebaliknya. Sebagaimana wajib zakat bagi harta orang gila dan kanak-kanak.
3. Harta yang dimiliki oleh *syakhsiyyah i'tibariyyah* bersifat subur, oleh kerana zakat diwajibkan ke atas harta yang subur, maka tabung takaful yang mempunyai harta yang subur perlu dikenakan zakat.

4. Konsep zakat *al-khultah* dalam perbahasan fiqh jelas memberikan prinsip asas kepada kewajipan zakat *syakhsiyyah i'tibariyyah*.

Berasaskan alasan tersebut, kajian ini cenderung untuk menyatakan harta yang berada dalam tabung takaful perlu dikeluarkan zakat. Manakala sebarang keuntungan yang diperolehi daripada aktiviti pelaburan menggunakan harta di dalam takaful juga perlu dizakatkan. Selain itu, milikan pemegang saham yang cukup syarat seperti keuntungan yang diperolehi boleh dizakatkan bersama harta tabung takaful. Hal mengambilkira konsep rangkuman harta zakat yang sama jenis untuk dikeluarkan bagi kategori zakat yang sama.

KESIMPULAN

Pada asasnya kajian ini cuba untuk menjelaskan aktiviti institusi takaful khususnya dalam realiti Malaysia. Daripada aktiviti tersebut gambaran terhadap kedudukan zakat juga wujud dan zahir. Oleh kerana didapati institusi takaful menjalankan aktiviti yang berteraskan pendapatan maka zakat pendapatan akan dikenakan ke atas institusi tersebut apabila cukup syarat-syarat zakat. Selain itu, institusi takaful dan tabung tabarru' dianggap sebagai *syakhsiyyah i'tibariyyah* yang boleh berperanan seumpama manusia biasa dan boleh diwajibkan zakat. Walaupun begitu, masih terdapat beberapa persoalan yang perlu diselesaikan dalam amalan zakat institusi takaful, antara yang jelas adalah kaedah pengiraan zakat yang perlu digunakan.

RUJUKAN

- AAOIFI (2010). *Shari'a Standards for Islamic Financial Institutions*. Bahrain: AAOIFI.
- Abdul Hakim J. Penolong Pengurus, Jabatan Syariah, Prudential BSN Takaful. Temubual. Dalam temubual dengan pengkaji, 8 April 2015.
- Abubakar M. M. (2010). *Juristic Differences Over Surplus Distribution in Takaful Operations*. Dalam Buletin ISRA 5, (May 2010).
- Al-'Ayni, Badr al-Din (t.t.). *'Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Bahuti, Mansur bin Yunus (1983). *Kasysyaf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'*. Bayrut: 'Alim al-Kutub.
- Al-Dasuqi, Muhammad 'Arafah (t.t.). *Hasiyah al-Dasuqi 'ala Syarh al-Kabir*. Al-Qahirah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyah.
- Al-Musili, 'Abd Allah bin Mahmud (1998). *Al-Ikhtiyar li al-Ta'lim al-Mukhtar*. Dimasyq: Dar al-Khayr.
- Al-Qaradawi, Yusuf (1994). *Fiqh al-Zakah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Syirazi, Ibrahim bin 'Ali. Al-Muhadhdhab. Al-Qahirah: Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Al-Zabidi, Abu Bakr bin 'Ali (2009). *al-Jawharah al-Nayyirah Syarh Mukhtasar al-Qayduri*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Al-Tabari (t.t.). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayy al-Quran*. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Al-Zamakhshari, Mahmud bin 'Umar (1998). *Al-Kasysyaf 'an Haqaiq Ghawamid al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*. Riyad: Maktabah al-'Ubaykan.
- Al-'Ayni, Mahmud bin Ahmad (2010). *'Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari*. Kaherah: al-Maktabah al-Taufiqiyyah.
- Azman M. N. & Mohamad Sabri Z. (2010). Takaful: Analisis Terhadap Konsep Akad. *Jurnal Muamalat*, 3.
- Bank Negara Malaysia, Rangka Kerja Konsep: Takaful Am.
- Billah, Mohd. Ma'sum (2003). *Islamic Insurance (Takaful)*. Selangor: Ilmiah Publishers.
- Billah, Mohd. Ma'sum (2003). *Islamic and Modern Insurance: Principles and Practice*. Petaling Jaya: Ilmiah Publisher.
- Billah & Mohd Ma'sum (2007). *Islamic Banking and The Growth of Takaful*. Dalam Handbook of Islamic Banking diedit oleh M. Kabir Hassan & Mervyn K. Lewis. UK: Edward Elgar.
- BNM (2013). *Guidelines on Takaful Operational Framework*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Engku Rabiah Adawiah Engku Ali (2010). *Panduan Asas Takaful*. Kuala Lumpur: CERT.
- Ezamshah Ismail (edit) (2011). *Basic Takaful Broking Handbook*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- H. Hendi S. (2002). *Fiqh Muamalah*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- H. Abdul Rahman G., H. Ghufron I. & Sapiudin D. (2010). *Fiqh Mu'amalat*. Jakarta: Kencana, 2010.
- IBFIM (2010). *Asas Takaful: Buku Panduan*. Kuala Lumpur: IBFIM. Iqbal, M. (2005). *General Takaful Practice: A Technical Approach To Eliminate Gharar (Uncertainty), Maisir (Gambling) and Riba (Usury)*. Jakarta: Gema Insani.
- Ibn Juzay al-Maliki (2005). *Al-Qawanin al-Fiqhiyyah*. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Islamic Financial Services Act 2013.
- Jacky L., Muhammad Fahmi I. & Carissa, Y. (2010). History, Progress and Future Challenge of Islamic Insurance (Takaful) in Malaysia. Makalah yang dibentangkan do 2010 *Oxford Business & Economics Conference Program*, St. Hugh's College, Oxford University, Oxford, UK, 28-29 jun, 2010.
- Jumhuriyyah Misr al-'Arabiyyah (1991). *Mu'jam al-Wajiz*. Misr: Wizarah al-Tarbiyah wa al-Ta'lim.
- Kettell, B. (2010). *Frequently Asked Question in Islamic Finance*. UK: John Wiley & Sons Ltd.
- Mohd. Sadad M. & Radiah A. K. (2012). *Perkembangan Takaful di Malaysia: Satu Kajian Undang-Undang Kewangan Islam*. KANUN, 24 (2).
- Mohd Fadzli Y., Wan Zamri W. I. & Abdul Khudus M. N. *Fundamentals of Takaful*. Kuala Lumpur: IBFIM.

- Mohd Fadzli Y. (2006). *Mengenal Takaful*. Petaling Jaya: IBS Buku.
- Muhaizam I. (2013). Determinants of Financial Performance: The Case of General Takaful and Insurance Companies in Malaysia. *International Review of Business Research Papers*, 9(6).
- Muhammad Hisyam M. (2008). Perbandingan Kontrak Takaful dan Insurans. Dalam Asmak A. R., et. al. (eds.), *Sistem Takaful di Malaysia: Isu-isu Kontemporari*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Ridhwan A. A. (2013). *Introduction to Islamic Institutions in Economics and Finance*. Nilai: USIM.
- Mujaini T. (2012). *Zakat Mal al-Mustafad: Amalan dan Pengalaman di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat.
- Nor Azila Zainal Abidin (2008). *Kerjaya Dalam Bidang Insurans*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Sahata, Husein (2003). *Kaedah Agihan Zakat Harta; Pengertian, Sistem dan Agihannya*, Hamid Fahmy Zarkasyi dan Harun Ar-Rasyid Hj. Tuskan. terj. Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.
- Salah El Din Musa Mohamed Sulieman (2013). *Islamic Insurance in Sudan*. t.tp: Khartoum.
- Salman, Syed Ahmed (2014). Contemporary Issues in Takaful (Islamic Insurance). *Asian Social Science*, 10 (22).
- Shamsiah M. & Asmak A. R. (2010) "Isu-Isu Syariah dalam Produk Takaful dan Retakaful." Dalam *Prosiding Muzakarah Penasihat Syari'ah Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: CERT Publications, 215-230.
- Waheed A. (2010). Takaful Models and Global Practices. *Journal Of Islamic Banking And Finance*, 27(1).
- Zaini N., et. al. (2004). *Syariah dan Undang-undang: Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.